



**KOLEJ TUJUH BELAS**  
*SEVENTEENTH COLLEGE*

Rujukan Kami : UPM.K17.700-4/1/2

Tarikh : 18 April 2022

Semua Pelajar  
Kolej Tujuh Belas  
Universiti Putra Malaysia  
43400 UPM SERDANG

Saudara/saudari,

**CUTI PERTENGAHAN SEMESTER 2, SESI 2021/2022**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa cuti di atas akan bermula dari **2 hingga 8 Mei 2022** selama satu (1) minggu. Sehubungan dengan itu, semua pelajar Kolej Tujuh Belas dikehendaki mengambil perhatian dan tindakan seperti berikut:

**i. Kunci Bilik**

Kunci bilik tidak perlu dikembalikan, namun semua pelajar dikehendaki meninggalkan bilik dalam keadaan bersih, pintu dan tingkap dikunci serta memastikan semua suis alatan elektrik ditutup sebelum meninggalkan bilik. Pelajar yang meninggalkan bilik tanpa menutup suis lampu dan kipas akan dikenakan denda RM50.00 dan demerit 10.

**ii. Penyimpanan Barang**

Siswa/Siswi boleh menyimpan barang di dalam bilik tetapi pihak pengurusan kolej tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan barang yang disimpan. Pastikan barang berharga dibawa pulang.

**iii. Kesalahan dan Denda**

Pelajar yang membenarkan/menumpangkan pelajar yang tidak mendaftar tinggal di dalam kolej akan dikenakan denda RM50.00 dan demerit 10.

3. Pihak pengurusan kolej akan membuat pemeriksaan di setiap blok dan bilik dari masa ke semasa. Pihak pengurusan kolej mengucapkan terima kasih di atas perhatian dan kerjasama yang diberikan. **"SELAMAT HARI RAYA AIDILFITRI, SELAMAT BERCUTI DAN BERHATI-HATI DI JALAN RAYA"**.

Sekian.

**"BERILMU BERBAKTI"**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**PROFESOR MADYA DR. JASRONITA JASNI**

Pengetua  
Kolej Tujuh Belas  
Universiti Putra Malaysia

*NotisCuti/ejan...*